

PENGUMUMAN

PELAKSANAAN MANDATORI BERPERINGKAT MBRS 2.0

Pelanggan yang dihormati,

Susulan daripada pelancaran sistem *Malaysian Business Reporting System* (MBRS 2.0) pada 25 September 2024, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan mewajibkan serah simpan dokumen-dokumen dan permohonan berikut secara berperingkat:

FASA 1 1 DISEMBER 2024

- i. Penyata Tahunan (PT) di bawah Akta Syarikat 2016;
- ii. Penyata Kewangan dan Laporan (PK) Tidak Diaudit di bawah Akta Syarikat 2016;
- iii. Perakuan bagi Syarikat Persendirian Terkecuali (EPC) di bawah Akta Syarikat 2016;
- iv. Permohonan & serah simpan Rektifikasi / Perintah Mahkamah Bagi PT dan PK Tidak Diaudit di bawah Akta Syarikat 2016;
Permohonan lanjutan masa di bawah Akta Syarikat 2016:
- v. Lanjutan masa bagi serah simpan perakuan EPC;
- vi. Lanjutan masa bagi PK Tidak Diaudit; dan
- vii. Lanjutan masa bagi PT.

FASA 2 1 MAC 2025

- i. PT di bawah Akta Syarikat 1965;
- ii. PK di bawah Akta Syarikat 1965;
- iii. Perakuan bagi EPC di bawah Akta Syarikat 1965;
- iv. PK bagi Institusi Kewangan yang dikawal oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Akta Syarikat 2016;
- v. Akuan Berkanun dan Penyata Kewangan dan Laporan Negara Asal (Ibu Pejabat) bagi Syarikat Asing di bawah Akta Syarikat 1965 & Akta Syarikat 2016; dan
- vi. Permohonan & serah simpan Rektifikasi / Perintah Mahkamah bagi PT dan PK Teraudit di bawah Akta Syarikat 1965.

FASA 3 1 JUN 2025

- i. PK Teraudit di bawah Akta Syarikat 2016;
- ii. Permohonan & serah simpan Rektifikasi / Perintah Mahkamah PK Teraudit di bawah Akta Syarikat 2016; dan
- iii. Termasuk semua permohonan berkaitan lanjutan masa atau pengecualian PK di bawah Akta Syarikat 2016.

Sila layari portal rasmi SSM di pautan www.ssm.com.my untuk maklumat lanjut.

27 November 2024